

*Tarikh dibaca: 20 April 2018M / 04 Syaaban 1439H*

# **KHUTBAH JUMAAAT**

***Tajuk:***

***“JOM KULIAH”***

\*\*\*

***Terbitan:***  
***Unit Khutbah***  
***Bahagian Pengurusan Masjid***  
***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)  
Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor
3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)  
Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor
4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)  
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor
8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)  
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)  
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)  
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)  
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid



## "JOM KULIAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ<sup>١</sup> أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا يَاهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا يَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Terlebih dahulu saya ingin mengingatkan diri saya dan berpesan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan mentaati segala titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "**JOM KULIAH**".

**Hadirin sidang Jumaat yang berbahagia,**

<sup>1</sup> Al-Nahl : 43



Menuntut ilmu agama adalah satu kewajipan kepada setiap umat Islam, ini telah dijelaskan oleh Baginda Nabi kita SAW melalui sabdanya sebagaimana diriwayatkan oleh Anas Ibn Malik Radiallahu Anhu:

**طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ**

“Menuntut ilmu itu wajib ke atas setiap muslim”.

(Riwayat Ibnu Majah).

Ibnu Hajar Al-Asqalani mengatakan bahawa ilmu yang dimaksudkan disini adalah ilmu syarak atau ilmu agama. Namun demikian bukanlah bermakna setiap individu muslim wajib mempelajari semua cabang ilmu agama dengan secara mendalam tetapi cukuplah mereka mengetahui asas-asas ilmu yang berkaitan dengan aqidah, ilmu fiqh dan tasyaaf yang dikategorikan sebagai ilmu fardhu ain. Ilmu ini sangat diperlukan bagi setiap muslim kerana dengannya ia dapat berpegang kepada aqidah yang benar, melaksanakan ibadah yang sohehah dan dapat memurnikan hubungan sesama manusia dan penciptanya dengan tepat dan seni.

### **Hadirin Jumaat sekalian,**

Sesetengah orang beranggapan bahawa mempelajari ilmu fardhu ain hanya untuk kanak-kanak di sekolah sahaja. Lalu anak-anak ini dihantar oleh ibubapa ke Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA).

Harus diingat, seseorang muslim yang dewasa juga tidak boleh berpada atau menganggap memadai dengan ilmu agama yang dipelajari semasa berada dibangku sekolah rendah semata-mata. Amat wajar disedari bahawa kehidupan kita di dunia ini terus berkembang, masalah dan cabaran di celah-celah kehidupan turut berubah dan semakin rumit. Oleh itu tak dapat tidak kita mestilah sentiasa bersama teman-teman yang soleh yang sentiasa



beriltizam dengan masjid dan surau. Ketahuilah bahawa Nabi SAW pernah mengisyaratkan bahawa orang-orang yang bersendirian tanpa bergaul dengan orang-orang soleh ia akan terdedah kepada risiko digoda dan disesatkan oleh syaitan. Dalam hal ini Rasulullah SAW pernah bersabda melalui sebuah hadis sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn Umar Radiallahu Anhuma:

عَلَيْكُم بِالجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةَ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ  
مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الْاِثْنَيْنِ أَبْعَدُ، مَنْ أَرَادَ بُحْبُوْحَةَ  
الْجَنَّةِ فَلْيَلْزِمْ الْجَمَاعَةَ، مَنْ سَرَّتْهُ حَسَنَتُهُ وَسَاءَتْهُ  
سَيِّئَتُهُ فَذَلِكَ الْمُؤْمِنُ

*"Kamu hendaklah sentiasa bersama jamaah, dan jauhilah pepecahan kerana syaitan dapat menggoda orang yang bersendirian, dan jika berdua syaitan agak sukar. Sesiapa yang hendak berada di tengah-tengah syurga maka ia hendaklah melazimi jamaah, sesiapa yang berasa gembira dengan kebaikan yang dilakukannya dan sebaliknya berasa janggal terhadap kejahatan yang dilakukannya maka itulah tanda sebagai seorang mukmin".*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

### **Muslimin sekalian,**

Menurut Abu Laits al-Samarqandi (أبو الليث السمرقندى) dalam satu karyanya bahawa seseorang yang datang kepada seorang yang alim lalu duduk bersama didalam majlis ilmunya walaupun tidak mampu mengingat atau menghafal pelajaran tersebut, maka baginya tetap mendapat tujuh kemuliaan:



1. Dia akan mendapat kemuliaan sebagai orang yang belajar ilmu agama.
2. Selama dia duduk dalam majlis tersebut, dia akan terhindar daripada berbuat dosa dan kesalahan.
3. Apabila dia keluar daripada rumahnya ke majlis ilmu maka rahmat Allah akan turun ke atasnya.
4. Apabila dia duduk disisi orang alim maka turunlah rahmat keatas penuntut-penuntut ilmu, maka dia juga memperolehi keberkatan ilmu tersebut.
5. Selama dia mendengar ilmu tersebut maka dituliskan baginya kebajikan.
6. Malaikat menaungi keatas penuntut ilmu dengan sayap-sayapnya kerana redha dan gemar kepada majlis tersebut.
7. Setiap kali kakinya melangkah ke majlis ilmu maka dosanya akan diampun dan darjatnya dinaikkan sehingga ke beberapa darjah.

### **Hadirin sekalian,**

Sesetengah orang amat bersemangat dan mengambil berat dalam mencari ilmu keduniaan sehingga sanggup membayar dengan harga yang mahal untuk meningkatkan pengetahuan atau kemahiran, malah untuk itu mereka sanggup meminjam dan berhutang. Namun haruslah diingat bahawa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan agama mestilah diutamakan untuk memastikan kejayaan yang abadi diakhirat kelak.

### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Menuntut ilmu agama adalah satu kewajipan keatas diri setiap muslim tanpa melihat profesi atau pekerjaannya. Ada sesetengah orang beranggapan bahawa menuntut ilmu agama atau fardhu ain adalah sunat



dan diberi pahala kepada sesiapa yang melakukannya dan tidak berdosa bagi sesiapa yang meninggalkannya. Ini adalah satu fahaman yang bercanggah dengan Islam. Hendaklah difahami bahawa menuntut ilmu fardhu ain bukan persoalan sunat atau harus, Bahkan hukumnya adalah wajib dan berdosa meninggalkannya.

Kita tidak boleh memberi alasan kesibukan menyebabkan kita tidak dapat mengikuti kuliah pengajian. Jika kita ingin berjumpa dengan Allah dalam keadaan iman dan amal ibadat kita diterima oleh Allah, maka sudah pasti ruang waktu untuk mengikuti kuliah fardhu ain akan dapat diperuntukan. Tidak berguna penyesalan di padang Mahsyar kelak tatkala segala amalan kita yang dihisab oleh Allah ditolak kerana tidak memenuhi rukun dan piawaian yang ditetapkan. Ibn Ruslan melalui nukilan puisinya mengalunkan:

وَكُلُّ مَنْ بِغَيْرِ عِلْمٍ يَعْمَلُ  
أَعْمَالُهُ مَرْدُودَةٌ لَا تُقْبَلُ

*"Dan sesiapan sahaja yang melakukan amalan tanpa ilmu,*

*Maka amalannya ditolak, tidak diterima".*

**Hadirin tetamu Allah sekalian,**

Sebenarnya tiada alasan untuk tidak menuntut ilmu agama. Menuntut ilmu agama akan menjadikan kehidupan seseorang lebih diberkati, kerana dengan ilmu tersebut akan mendekatkan kita kepada Allah, dan bertambah takut kita kepada-Nya. Setiap hari dalam hidup kita perlu berusaha untuk menambah ilmu yang mendekatkan diri kepada Allah.

**Hadirin yang berbahagia sekalian,**



Ilmu tidak datang mencari kita. Kita yang mesti mencari ilmu. Jangan biarkan diri kita berada dalam kejahilan kerana kejahilan akan membawa kepada kesesatan. Kesesatan dalam agama akan membawa ke neraka. Mudah-mudahan Allah SWT akan melindungi kita semua.

Menuntut ilmu akan menjadi asbab kepada kita untuk memasuki syurga Allah. Abu Hurairah Radiallahu Anhu meriwayatkan bahawa dia mendengar Rasulullah bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يُلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

*"Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya jalan ke syurga."*

(Riwayat al-Tirmizi)

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripadanya:

1. Umat Islam wajib meyakini bahawa untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat perlu kita menghambakan diri kepada Allah berasaskan ilmu yang benar.
2. Untuk mendapatkan ilmu yang benar setiap orang wajib berguru kepada guru yang boleh membimbing kita takut kepada Allah dan ghairah untuk mendapatkan keredhaan dan syurganya.



3. Adalah menjadi tanggungjawab untuk ibu bapa memastikan anak mereka dilengkapkan dengan ilmu fardhu ain supaya menjadi celik agama dan boleh membaca al quran.

4. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pemerintah agar terus mengambil berat ke arah menjana ulama yang benar-benar mendalami ilmu dan berkebolehan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ  
مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لَّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ  
لَعَلَّهُمْ تَحْذِرُونَ

“Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; Mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)”.

(al-Taubah : 122)



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاَكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.  
أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَهُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

\*\*\*\*\*

Shopuan / Nurul  
16.04.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاَيْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا  
صَلَوَأْ عَلَيْهِ وَسَلَمُوا تَسْلِيماً.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزَّ  
الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظْ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الحاجِ،  
ابنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْمِدَائِيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَّاْغُور، تَعْكُو  
أَمِيرِ شَاه، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاه  
الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحَيْنِ  
لِلْمُؤْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا<sup>١</sup>  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۝ يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ ۝

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*